

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2018**

MPP 3

**PENDIDIKAN ISLAM
KERTAS 1**

NAMA :

KELAS :

DIBIYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting dan mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PENDIDIKAN ISLAM**

1223/1

**Kertas 1
OGOS 2018
2 jam**

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 10 .*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helai tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis nama dan tingkatan anda pada ruangan yang disediakan di halaman 10.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 10 daripada kertas peperiksaan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helai tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak

BAHAGIAN A
(40 MARKAH)
Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

Haram menerima harta pusaka dari waris beragama Islam.

- 1 Pernyataan di atas adalah menjelaskan tentang kesan bagi perbuatan
- A sihir
 - B syirik
 - C riddah
 - D khurafat
- 2 Antara pernyataan berikut, yang manakah **bukan** merujuk kepada khurafat?
- A Mempercayai nabi Isa anak tuhan
 - B Memakai azimat untuk menolak bala
 - C Mengunjungi kubur keramat untuk memohon sesuatu hajat
 - D Mempercayai binatang seperti burung boleh membawa tuah

Orang mukmin dapat melihat Allah SWT di dalam syurga pada hari kiamat nanti.

- 3 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada pegangan _____
- A Syiah
 - B Khawarij
 - C Muktazilah
 - D Ahli Sunah Waljamaah
- 4 Pernyataan di bawah mengenai Qada' dan Qadar menurut pandangan mazhab Ahli Sunah Waljamaah **kecuali**
- A ketentuan baik atau buruk ditentukan oleh Allah SWT sejak azali lagi
 - B segala yang berlaku adalah dengan kebijaksanaan Allah SWT
 - C Allah SWT yang berkuasa mengatur segala perkara
 - D manusia mengawal semua perbuatannya

- Mengagungkan kod 19.
 - Beriktikad bahawa alam ini bersifat kekal.

- 5 Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan ajaran
- A Syiah
 - B Bahai
 - C Taslim
 - D Qadiani

- 6 Antara yang berikut, yang manakah merupakan tindakan mencabul hak Allah SWT.
- A Mencuri
 - B Menuduh zina
 - C Membunuh diri
 - D Melakukan zina

Menurut Syiah Imamah golongan ini bersifat maksum tetapi tidak menerima wahyu

- 7 Pernyataan di atas adalah menjelaskan pegangan mereka terhadap _____
- A nabi
 - B imam
 - C rasul
 - D mujtahid
- 8 Waktu bercukur bagi ibadat umrah ialah selepas _____
- A melontar Jamratul Aqabah.
 - B berniat ihram.
 - C ibadat tawaf.
 - D ibadat sai.
- 9 Berikut adalah sunat-sunat korban **kecuali**
- A memilih binatang yang gemuk.
 - B menyembelih sendiri bagi lelaki
 - C memasak manis dan dibuat jamuan
 - D menghadapkan binatang ke arah kiblat

- Boleh berlaku adil
- Berkemampuan dari segi jasmani dan kewangan

- 10 Pernyataan di atas merujuk kepada syarat-syarat _____
- A berumah tangga
 - B berpoligami
 - C bakal suami
 - D bakal isteri
- 11 Semasa mengandung, kedua ibubapa dituntut agar
- I menjauhi maksiat
 - II melazimi membaca al-Quran
 - III memilih nama yang baik untuk anak
 - IV menyediakan kambing untuk majlis akikah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
- 12 Manakah antara berikut **bukan** kifarah zihar?
- A Memerdekakan seorang hamba
 - B Berpuasa dua bulan berturut-turut
 - C Memberi makan 60 orang fakir miskin
 - D Bersumpah tidak mengulangi kesalahan

13 Talak yang disandarkan kepada sesuatu syarat adalah talak _____.

- A raji
- B biddi
- C taklik
- D sunni

- Bebas dari unsur riba.
- Bebas dari unsur spekulasi.
- Bebas bebas dari perkara haram.

14 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A saham
- B hutang
- C syarikat
- D insurans

15 Antara yang berikut yang manakah **bukan** larangan semasa idah raji?

- A Keluar rumah tanpa izin suami.
- B Menerima pinangan lelaki lain.
- C Berhias diri.
- D Berkahwin.

16

- Pertanian.
- Perdagangan.
- Perindustrian.

Pernyataan di atas merujuk kepada sektor utama ekonomi pada zaman pemerintahan _____.

- A Bani Abbasiyah
- B Bani Umayyah
- C Khulafa al Rasyidin
- D Nabi Muhammad SAW

17 Ibnu Khaldun dinobatkan sebagai tokoh sejarawan dunia kerana

- A Idea dan kupasan beliau dalam kitab al-Muqaddimah
- B Jawatan penting yang disandang beliau dalam negara
- C Kegiatan beliau dalam budaya dan kesusasteraan Arab
- D Penguasaan beliau dalam ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah

18

- Berani menegur khalifah Abu Jaafar al-Mansur.
- Berani menentang pendapat Gabenor Madinah.
- Sanggup dipukul kerana mempertahankan Islam.

Pernyataan di atas merujuk kepada ketegasan imam _____.

- A Abu Hanifah rahimahullah.
- B Malik rahimahullah.
- C Al-Syafii rahimahullah.
- D Ahmad bin Hanbal rahimahullah.

19 Tujuan kerajaan menyediakan kemudahan awam kepada orang ramai ialah

- I menceraiakan kawasan
 - II menjimatkan wang negara
 - III menarik kedatangan pelancong
 - IV memberi kesenangan kepada rakyat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20 Berikut adalah faedah memelihara adab ketika berzikir **kecuali** _____

- A zikir diterima oleh Allah SWT.
- B mengganggu ketenteraman orang lain.
- C selaras dengan sunah Rasulullah SAW.
- D kesempurnaan dalam ibadah dapat dicapai.


Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

21 Menyalahgunakan nikmat ke jalan yang tidak diredhai Allah SWT adalah pengertian _____

- Mengubah prinsip asas dalam akidah.
- Menolak perkara yang qat'i dalam Islam.
- Menolak hadis mutawatir.

22 Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri _____



23 P ialah _____

24 _____ ialah mengambil hak orang lain secara kekerasan yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin.

25 Hukuman bagi pezina yang telah berkahwin (Muhson) ialah _____

26 Hukum melakukan persetubuhan sebelum membayar kifarah zihar adalah _____

27 Melakukan umrah sebelum masuk bulan haji atau mengerjakan haji dahulu diikuti mengerjakan umrah, dinamakan haji _____

28 _____ ialah membeli perlindungan risiko atas kematian atau hilang upaya.

- 29 Syarat _____ yang disewa bukan menjadi kewajipan kepada orang yang memberi sewa.
- 30 Poligami adalah salah satu cara penyelesaian bagi pasangan yang tidak memiliki _____

Soalan 31 hingga Soalan 33


Tulis nama khalifah yang betul dalam ruangan jawapan yang disediakan.
Pernyataan di bawah adalah penyebaran Islam pada zaman Khulafa al-Rasyidin

Pernyataan	Khalifah
Pembebasan Baitul Maqdis, Palestin dan Mesir.	31 _____
Wilayah Islam telah berkembang ke Afrika Utara, Libya, Turkistan dan kawasan India.	32 _____
Keadaan negara yang kurang aman menyebabkan gerakan perluasan kuasa terhenti.	33 _____

Soalan 34 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 34 *Al-Qanun fi al-Tibb* adalah hasil karya _____.
- 35 Faktor kemerosotan kerajaan bani Umayyah ialah sikap beberapa orang pemerintah yang mengabaikan _____.
- 36 Antara contoh perbuatan vandalisma terhadap kemudahan awam ialah merosakkan telefon dan _____.



- 37 Q dalam Rajah di atas ialah _____.
- 38 Sumber berfikir berlandaskan Syariat Islam ialah _____ dan akal fikiran.
- 39 Tawaf rukun haji atau umrah dikenali sebagai tawaf _____.
- 40 Adab-adab dalam jualbeli bertujuan memastikan perniagaan dapat berjalan dengan baik dan tidak timbul sebarang _____.

Bahagian B
[60 markah]
Jawab tiga soalan

Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4

- 1 (a) Islam amat melarang perbuatan memfitnah kerana ia boleh membawa pelbagai kesan negatif.
- (i) Nyatakan maksud fitnah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan sebab berlakunya perbuatan tersebut dalam kalangan masyarakat. [2 markah]
 - (iii) Apakah yang akan berlaku kepada negara sekiranya perbuatan ini dibiarkan berleluasa di dalam masyarakat. Huraikan. [4 markah]
- (b) Perbuatan sihir boleh merosakkan akidah seseorang muslim.
- (i) Nyatakan dua tujuan segelintir umat Islam menggunakan sihir walaupun jelas diharamkan oleh Allah SWT. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan dua cara anda mengawal diri dari terkena perbuatan sihir. [4 markah]
- (c) Berpegang dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah adalah wajib bagi setiap umat Islam.
- (i) Nyatakan maksud Ahli Sunah Waljamaah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan dengan ringkas sejarah kemunculan mazhab ini. [4 markah]
- 2 (a) Jual beli adalah salah satu bentuk muamalah yang diharuskan dalam Islam bagi memudahkan umatnya memenuhi keperluan hidup.
- (i) Apakah maksud jual beli menurut Islam. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan dua jenis jual beli yang dilarang tetapi sah. [4 markah]
 - (iii) Ramai dalam kalangan umat Islam kini terlibat dengan perniagaan online. Sejauhmanakah ianya menepati syarak. Berikan pendapat anda. [4 markah]
- (b) Fasakh dan khuluk adalah dua cara penyelesaian kepada masalah yang berlaku dalam rumah tangga.
- (i) Nyatakan maksud khuluk? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan dua perbezaan antara fasakh dan khuluk? [4 markah]

Seorang isteri telah ditinggalkan oleh suaminya tanpa nafkah zahir dan batin selama lebih dari enam bulan.

- (iii) Bagaimanakah penyelesaian masalah di atas berdasarkan hukum syarak. [4 markah]
- 3 (a) Kerajaan Bani Umayyah banyak memberi sumbangan kepada tamadun Islam iaitu dari segi perluasan kuasa politik yang memberi kesan kepada penyebaran agama Islam.
- (i.) Jelaskan dengan ringkas sejarah penubuhan kerajaan Bani Umayyah. [4 markah]
- (ii.) Nyatakan **dua** tokoh tentera yang terkenal pada zaman tersebut [2 markah]
- (b) Muhammad Abduh ialah tokoh *Islah* (pembaharuan) yang ulung.
- (i) Jelaskan idea *Islah* yang dibawa oleh beliau. [2 markah]
- (ii) Jelaskan pendekatan dakwah yang digunakan oleh beliau dalam menyampaikan idea *Islah*. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan tingkah laku tidak beradab dengan Rasulullah SAW. [2 markah]
- (ii) Pada suatu hari anda terdengar sekumpulan pelajar mempersendakan sunah Rasulullah.
- Terangkan **dua** usaha anda untuk menyedarkan mereka. [4 markah]
- (iii) Selawat Perdana dengan pelbagai jenama seperti Malam Cinta Rasul sedang popular dalam negara kita sehingga program tersebut dianjurkan hingga ke peringkat kebangsaan.
- Berikan pandangan anda tentang program tersebut. [4 markah]
- 4 (a) Kerajaan Bani Abbasiyah telah berjaya meletakkan umat Islam di tempat yang tinggi pada kaca mata dunia.
- (i) Jelaskan faktor yang membawa kegemilangan kerajaan Bani Abbasiyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** peranan yang boleh dilakukan oleh umat Islam sekarang untuk mengembalikan kegemilangan tersebut. [4 markah]

- (b) Kebanyakan umat Islam di Malaysia ialah pengikut mazhab Imam al-Syafii rahimahullah.
- (i) Jelaskan keistimewaan Imam al-Syafii rahimahullah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan sumbangan beliau. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud hadiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** adab memberi sedekah dan hadiah. [4 markah]

Sering kali pihak sekolah menerima surat memohon sumbangan untuk pembiayaan pembangunan sekolah-sekolah tahfiz dan surau.

- (iii) Bagaimanakah anda dapat menggalakkan amalan suka bersedekah dalam kalangan rakan-rakan anda. Huraikan.

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT